

24 JUN 2003

Mahathir-Labur/I

LABUR DLM PASARAN SAHAM SEKARANG - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta individu dan institusi supaya melabur di dalam pasaran saham sekarang kerana ianya merupakan masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Semasa menjawab soalan di persidangan Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata pelabur yang cekap akan melabur apabila harga saham rendah.

Meskipun penanda aras Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini dalam aliran meningkat, naik daripada 630 mata kepada 680 mata, beliau berkata saham-saham masih "di bawah harga".

Beliau berkata mereka yang melabur sekarang ini akan menyebabkan harga saham naik dan mendatangkan keuntungan modal, bukan hanya kerana pelaburan mereka tetapi juga kerana iklim pelaburan semasa yang juga baik.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) mengenai individu serta institusi swasta dan awam yang mempunyai dana yang banyak tetapi tidak aktif dalam merangsangkan ekonomi negara.

Semasa sidang media kemudiannya, Dr Mahathir mengulangi bahawa sekarang ini merupakan masa yang sesuai untuk melabur memandangkan harga saham di bawah nilai apabila dibandingkan dengan aset syarikat dan prestasi kewangan.

Tidak seperti syarikat-syarikat dotcom yang hanya merupakan "idea tanpa aset" dan yang harga asalnya boleh meningkat 30 hingga 40 kali, beliau berkata mereka ini (syarikat-syarikat yang akan dilaburkan) merupakan syarikat yang baik.

"Meskipun mereka menghadapi sedikit masalah, mereka akan dapat pulih dengan segera," kata Perdana Menteri.

Sebelum itu, kepada soalan tambahan mengenai pemotongan kadar faedah yang dibangkitkan oleh Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menggunakan kadar faedah bagi merangsangkan ekonomi memandangkan kadar faedah semasa kini telah rendah.

"Kadar faedah semasa kini telah cukup selesa," kata beliau. "Tidak seperti Amerika Syarikat, dasar kerajaan Malaysia ialah tidak terlalu ghairah terhadap kadar faedah.

"Sebagai contoh tahun ini, Amerika telah menurunkan kadar faedahnya sebanyak empat kali tetapi kesannya sedikit sahaja kepada ekonominya," kata Dr Mahathir.

Bagi Malaysia, beliau berkata pemotongan kadar faedah baru-baru ini telah memberi beberapa kesan terhadap ekonomi kerana ia dilaksanakan bersama-sama pakej rangsangan.

Dalam pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan kerajaan bulan lepas, kadar faedah dikurangkan sebanyak 0.5 peratus.

Menjawab soalan lain oleh Dr Yusof mengenai kenyataan tegas beliau terhadap orang Eropah semasa ucapan perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu lepas, Dr Mahathir berkata beliau hanya menyatakannya mengikut fakta sejarah.

Beliau berkata kenyataan sedemikian lebih bermaksud kepada dasar kerajaan dan bukan orang Eropah secara individu.

Bagaimanapun, beliau percaya ahli perniagaan Eropah akan terus melabur di sini memandangkan kerajaan Malaysia stabil.

Pelabur asing akan terus melabur di China atas alasan yang sama meskipun China merupakan negara Komunis, katanya.

-- BERNAMA
SHO TJK FR NHD RON